

TEKS UCAPAN

**YB TUAN BARU BIAN
MENTERI KERJA RAYA MALAYSIA**

**MAJLIS PELANCARAN IMPACT IBS
DAN IBS SCORE
PUSAT KONVENSYEN CIDB
17 Januari 2019 (Khamis)**

***[Latest Salutation will be provided
by the organiser]***

Para tetamu kehormat;

Wakil-wakil media;

Tuan-tuan dan puan-puan yang
dihormati sekalian;

Selamat pagi dan Salam Sejahtera.

PENDAHULUAN

1. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)** selaku pihak penganjur di atas

kesudian menjemput saya untuk merasmikan pelancaran **“IMPACT”** atau **CIS 24 (IBS Manufacturer & Product Assessment & Certification)** pada hari ini.

2. Saya yakin dengan pelancaran inisiatif-inisiatif sebegini serta sokongan dan penglibatan aktif para penggiat industri, dapat meningkatkan kualiti dan mutu pembangunan industri pembinaan di Malaysia.

INDUSTRI PEMBINAAN PEMACU EKONOMI UTAMA MALAYSIA

Hadirin yang dihormati sekalian,

3. Sektor pembinaan merupakan salah satu penggerak utama pertumbuhan ekonomi negara. Sektor ini telah mencatat kadar Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) yang positif dari tahun ke tahun, setanding sektor-sektor ekonomi yang lain di Malaysia. Sektor pembinaan juga telah mencatat pertumbuhan KDNK yang tinggi berbanding sektor lain

secara konsisten sejak tahun 2012. Sehingga suku kedua tahun 2018, pertumbuhan KDNK negara telah meningkat sebanyak 4.5% di mana sektor pembinaan turut mencatatkan pertumbuhan yang tinggi iaitu pada kadar 5.3%.

4. Sebagai komponen utama dalam menjamin kemampanan ekonomi negara, industri pembinaan perlu berdaya tahan bagi menghadapi cabaran-cabaran yang sedia ada dan akan datang. Oleh sebab itu, ianya sangat penting bagi industri

pembinaan untuk terus meningkatkan standard produk-produk dan cara kerja serta menggunakan teknologi dan kaedah baru bagi mempertingkatkan kadar produktiviti, sekaligus memastikan industri ini kekal kompetitif.

TERAS PRODUKTIVITI CITP

5. Dalam usaha memajukan sektor pembinaan Malaysia, Program Transformasi Industri Pembinaan 2016-2020 (CITP) telah dilancarkan pada tahun 2015 sebagai pelan

tindakan nasional atau *national blueprint*, bertujuan untuk memperkasakan industri pembinaan melalui empat teras strategik iaitu; Kualiti, Keselamatan dan Profesionalisme; Kemampanan Alam Sekitar; Produktiviti; dan Pengantarabangsaan.

6. Di bawah teras strategik Produktiviti khususnya, matlamat utama CITP adalah untuk meningkatkan produktiviti industri pembinaan di Malaysia lebih daripada 2.5 kali ganda, kepada RM62,000 per

kapita menjelang tahun 2020, berbanding dengan kadar produktiviti sebanyak RM22,464 per kapita pada tahun 2011. Bagi mencapai matlamat ini, CITP telah menggariskan inisiatif-inisiatif penting termasuk penggunaan Sistem Binaan Berindustri atau *Industrialised Building System* (IBS), penggunaan Pemodelan Maklumat Bangunan atau *Building Information Modeling* (BIM); dan kompetensi personel binaan dalam 'tred' berimpak tinggi dalam industri pembinaan.

7. Peningkatan produktiviti dalam industri pembinaan juga dapat menyokong aspirasi kerajaan untuk menjadikan Malaysia negara maju dan berpendapatan tinggi melalui pengeluaran output yang lebih tinggi berbanding jumlah input yang sama ataupun kurang.

8. Justeru itu, antara strategi yang telah dikenal pasti ialah meningkatkan pengetahuan dan kemahiran dalam industri pembinaan. Manakala, peningkatan penggunaan teknologi IBS pula

merupakan salah satu daripada agen-agen perubahan di bawah teras strategik Produktiviti CITP untuk mencapai matlamat produktiviti pekerja menjelang tahun 2020.

9. Inisiatif-inisiatif ini adalah selaras dengan komitmen kerajaan persekutuan untuk meningkatkan rantaian nilai ekonomi negara dalam usaha ke arah ekonomi berasaskan produktiviti seperti yang dibincangkan dalam kajian separuh

penggal Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK-11) baru-baru ini.

KEPERLUAN UNTUK MENGGUNAPAKAI KAEDAH-KAEDAH DAN TEKNOLOGI BAHARU

Tuan-tuan dan Puan-puan, Hadirin
sekalian,

10. Kemajuan teknologi memainkan peranan penting dalam meningkatkan produktiviti dan penjimatan kos untuk membangunkan infrastruktur yang mampan di negara ini. Memandangkan *technological*

disruption atau gangguan teknologi mempunyai impak yang besar, penerapan teknologi terkini dalam sektor pembinaan bukan lagi satu pilihan tetapi satu keperluan bagi memastikan negara terus berada di landasan yang betul untuk menjadi sebuah negara maju. Sehubungan itu, penggunaan teknologi seperti IBS adalah pemangkin dalam memacu industri pembinaan Malaysia ke tahap yang lebih tinggi dan setanding dengan negara maju dalam pembangunan teknologi dan inovasi.

KELEBIHAN IBS

11. Manfaat penggunaan sistem IBS berbanding kaedah konvensional amat jelas. Mekanisasi dan kaedah-kaedah pembinaan moden sistem IBS akan mewujudkan pendekatan secara holistik yang boleh mengesan dan menangani masalah-masalah di dalam projek dari peringkat reka bentuk sehinggalah ianya telah siap dibina. Industri pembinaan turut dapat menikmati jangka masa pembinaan yang lebih singkat serta

pengurangan impak kepada persekitaran semula jadi, sekaligus mewujudkan sektor pembinaan yang *cost-efficient* dan *effective*.

12. Penggunaan kaedah pembinaan IBS mempunyai pelbagai kelebihan, meliputi proses dan pekerja, yang memanfaatkan kontraktor dan juga pengguna. Dalam kitaran pembinaan IBS, kualiti penghasilan produk dan komponen juga adalah amat penting bagi mengelak berlakunya kerja-kerja tambahan dan penambahbaikan di tapak bina.

13. Impak keseluruhan penggunaan IBS yang merentasi rantai nilai pembinaan adalah satu perkara yang penting kerana ia meningkatkan produktiviti serta mengurangkan kos pembinaan dari masa ke semasa.

14. Saya dimaklumkan bahawa beberapa inisiatif utama telah pun dilaksanakan oleh CIDB untuk meningkatkan kesedaran mengenai manfaat penggunaan IBS, mekanisasi dan kaedah moden. Inisiatif-inisiatif yang melibatkan

sektor awam dan swasta telah dilaksanakan termasuklah meningkatkan penggunaan IBS melalui projek-projek sektor awam dan swasta serta menggerakkan rantaian bekalan IBS melalui mekanisme ekonomi.

15. Projek-projek sektor awam merangkumi sebahagian besar daripada pembangunan berasaskan IBS bagi menetapkan penanda aras penggunaanya di negara kita. Setakat ini ianya menunjukkan peningkatan yang amat

memberangsangkan iaitu sebanyak 69.4% pada akhir 2016 dan 78.8% pada akhir 2017. Berdasarkan statistik oleh Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU), sehingga Julai 2018, kadar penggunaan IBS dalam sektor awam adalah sebanyak 80.8%.

16. Sektor swasta turut mempunyai peranan yang penting dalam memastikan kejayaan dalam penggunaan IBS secara meluas di Malaysia. Ini kerana terdapat lebih banyak projek swasta berbanding

projek awam yang dibangunkan setiap tahun. Pada tahun 2017, projek swasta merangkumi 85% atau RM 34.31 bilion daripada jumlah keseluruhan projek pembinaan berbanding projek awam yang hanya merangkumi 15% atau RM 6.05 bilion.

17. Bagi memacu skala penggunaan IBS dalam sektor swasta, IBS telah diwajibkan sejak Januari 2018 untuk semua projek swasta bernilai melebihi RM50 juta atau melebihi 50,000 meter persegi, dan harus

mempunyai skor IBS 50 secara minimum. Mandat ini sedang dilaksanakan secara berperingkat dari tahun 2018 sehingga 2020.

18. Menerusi mandat yang diberikan kepada sektor swasta ini, kita menjangkakan lebih banyak impak dari segi skala ekonomi. Beberapa mekanisme ekonomi juga sedang dikaji semula dan diperhalusi untuk meningkatkan penerimaan dan penggunaan IBS, antaranya seperti cuti cukai yang untuk pengeluar IBS tempatan berkelayakan, serta

pengecualian duti import bagi jentera dan peralatan berat. Ini adalah sebahagian daripada komitmen kerajaan untuk menyediakan persekitaran yang berdaya maju untuk pertumbuhan IBS.

INISIATIF PROGRAM IMPACT

Para hadirin sekalian,

19. Dalam pelaksanaan sistem IBS ini, antara isu-isu yang dihadapi adalah kualiti komponen IBS tidak

menepati piawaian yang ditetapkan. Sebagai contoh, penghasilan komponen yang tidak menepati ciri-ciri kualiti yang ditetapkan. Justeru, bagi memacu penerapan sistem IBS yang berkualiti, inisiatif **Program IMPACT** yang akan dilancarkan pada hari ini dilihat sebagai elemen penting dalam ekosistem IBS.

20. **Program IMPACT** merupakan satu kaedah penilaian sistematik yang merangkumi kitaran proses lengkap iaitu Verifikasi, Validasi,

Pengujian dan Pensijilan terhadap pengeluar dan komponen IBS. Disamping itu juga, Program IMPACT ini menjalankan *Market Surveillance* terhadap pengeluar IBS dalam tempoh sah laku sijil bagi memastikan kualiti komponen berterusan.

21. Kategori pensijilan **Program IMPACT** bagi memberi pengiktirafan untuk pengeluar dan komponen IBS di sepanjang rantai nilai terdiri daripada pengeluar, pengeluar dan

kontraktor pemasang, rekabentuk dan pengeluar, rekabentuk, pengeluar dan kontraktor pemasang.

22. Program ini juga dapat melindungi penggiat industri tempatan di mana hanya produk yang mempunyai Sijil IMPACT akan dibenarkan dan digunakan untuk pembinaan IBS. Tambahan lagi, kesemua bahan binaan di bawah Jadual 4 Akta 520 yang digunakan dalam penghasilan komponen IBS juga haruslah diperakui oleh CIDB.

23. Pelancaran **Program IMPACT** ini dapat memudahkan penggiat-penggiat industri, mahupun dari sektor swasta atau awam untuk melaksanakan mandat penggunaan IBS ke arah sasaran menjelang tahun 2020. Saya berharap agar penggiat-penggiat industri dapat bersama-sama memainkan peranan dalam memperkasakan industri pembinaan negara dan meningkatkan lagi kadar produktiviti sektor pembinaan negara kita.

24. Pelancaran ini juga akan menjadi satu perkara yang signifikan bagi ekosistem IBS di Malaysia kerana ia berpotensi untuk memberi manfaat kepada **293 Pengeluar IBS, 9,097 Kontraktor IBS** dan **9,076 Pemasang IBS** yang berdaftar dengan CIDB.

25. Industri pembinaan perlu terus dimodenkan untuk meningkatkan produktiviti dan memastikan ianya berdaya saing di peringkat antarabangsa. Oleh itu, seperti yang dibentangkan dalam kajian

separuh penggal program CITP, produktiviti industri pembinaan akan terus menjadi fokus utama dalam usaha ke arah merealisasikan matlamatnya menjelang tahun 2020 sekali gus menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi Negara.

26. Selari dengan fokus utama Kementerian untuk transformasi industri pembinaan melalui aspirasi **“Digitalising the Construction Industry”** pelbagai program baharu akan dilaksanakan terutamanya yang melibatkan pemerkasaan

teknologi dalam industri pembinaan seperti Building Information System (BIM), Highway Information Modelling (HIM), Quality Assessment System in Construction (QLASSIC), dan Safety and Health Assessment System in Construction (SHASSIC).

27. Agenda ***“Digitalising the Construction Industry”*** lebih fokus kepada pelaksanaan dan bersifat menyeluruh untuk meningkatkan produktiviti menerusi pemerkasaan teknologi dan inovasi. Ianya

merangkumi dua aspek utama iaitu pembangunan *software and mechanism* dan pengumpulan data yang tepat, selamat disimpan dan bersifat *real-time*.

28. Sebagai Kementerian pelaksana untuk infrastuktur negara, kementerian amat komited dalam transformasi industri pembinaan untuk memastikan infrastruktur yang mampan dan sempurna, pelaksanaan pembangunan yang cepat dan efisien dengan kos yang optimum. Namun begitu, sasaran ini

hanya akan dapat dicapai melalui kerjasama dan komitmen semua pihak, seperti yang disebut di dalam slogan CITP, “**Bersama Memacu Kecemerlangan Industri Pembinaan.**”

PENUTUP

Hadirin yang dihormati sekalian,

29. Mandat penggunaan IBS bagi projek swasta dan juga awam ini akan memacu skala ekonomi dalam pengeluaran komponen IBS, yang mana secara langsung akan

mengurangkan kos penggunaan IBS. Walau bagaimanapun, untuk mencapai matlamat ini, penggiat industri perlu komited untuk memainkan peranan masing-masing dalam merealisasikan skala ekonomi yang mantap bagi IBS di samping memastikan trajektori pertumbuhan sektor pembinaan dapat dikekalkan.

30. Akhir sekali, saya yakin dengan inisiatif-inisiatif yang dilaksanakan oleh CIDB untuk meningkatkan penggunaan IBS, turut disokong

dengan oleh sektor kerajaan dan swasta, boleh merealisasikan aspirasi Nasional amnya dan Kementerian Kerja Raya khususnya untuk menjadikan industri pembinaan lebih maju dan berdaya saing hingga ke peringkat antarabangsa.

31. Dengan ini, saya dengan sukacitanya **merasmikan Majlis Pelancaran IMPACT IBS dan IBS Score.**

Sekian, terima kasih.